

MAJLIS PEMAKAIAN LENCANA TRED, PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENUTUP KURSUS PEMBANTU PENTADBIRAN (KPP) KELAS II SIRI 80/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4997-majlis-pemakaian-lencana-tred-penyampaian-sijil-dan-penutup-kursus-pembantu-pentadbiran-kpp-kelas-ii-siri-80-19

SUBANG, 14 Mei 19 - Majlis Pemakaian Lencana Tred, Penyampaian Sijil dan Penutup Kursus Pembantu Pentadbiran (KPP) Kelas II Siri 80/19 telah disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf Tadbir, Brig Jen Dato' Ahmad bin Abd Rahman TUDM bertempat di Dewan Pahlawan INSTAR.



Seramai 28 orang penuntut daripada ketukangan Pembantu Pentadbiran telah berjaya menamatkan kursus yang bermula pada 14 Jan 19 hingga 14 Mei 19.



Anugerah Penuntut Keseluruhan Terbaik telah disandang oleh LU II Muhammad Hazim bin Mustafa dan Penuntut Akademik Terbaik, LU II Muhammad Asyraf bin Mohd Sazali.

Turut hadir Pengarah Perkhidmatan, Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM, Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai-pegawai dan jurulatih INSTAR.

